

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILSON UGAK KUMBONG  
[ HULU RAJANG ]**

**TARIKH : 18 NOV 2014**

**SOALAN :**

**Tuan Wilson Ugak Kumbong [ Hulu Rajang ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan untuk menambahkan bilangan pegawai MPOB bagi tujuan untuk memberikan perkhidmatan dan khidmat nasihat kepada penduduk tempatan di bawah Empangan Bakun yang menjalankan perusahaan kelapa sawit di tanah hak milik sendiri.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penempatan Pegawai Tunjuk Ajar Sawit (TUNAS) di sesuatu kawasan adalah berdasarkan kepada kepadatan pekebun kecil sawit, di mana purata nisbah pegawai TUNAS kepada pekebun kecil adalah seorang pegawai TUNAS bagi setiap 600 orang pekebun kecil sawit. Sehingga Oktober 2014, seramai 40 orang pegawai TUNAS telah ditempatkan di seluruh negeri Sarawak.

Bagi kawasan Sg Asap dan Belaga yang melibatkan kawasan tanaman sawit seluas 3,282 hektar dan seramai 588 orang pekebun kecil sawit, seramai dua (2) orang Pegawai TUNAS telah ditempatkan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian memang sedar tentang kekurangan pegawai MPOB di Sarawak termasuk di sekitar Empangan Bakun . Oleh itu, Kementerian telah mula menggunakan kaedah “*National Blue Ocean Strategy*” (NBOS) dengan Jabatan Pertanian Sarawak yang bersetuju untuk bekerjasama melaksanakan peranan dan tugas MPOB bagi memastikan kumpulan sasar mendapat manfaat.

Sekian, terima kasih.